

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM  
[TAMPIN]**

**TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [ TAMPIN ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah Kementerian mempunyai hasrat untuk merangka pelan tindakan bagi memastikan penglibatan belia dalam industri pertanian dan perladangan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah merangka pelbagai pelan tindakan bagi memastikan penglibatan belia dalam industri pertanian dan perladangan. Di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), sektor utama seperti pertanian akan terus dipastikan signifikansi sumbangannya kepada KDNK negara. Selaras dengan hasrat Dasar Agromakanan Negara (DAN), sebanyak 11 strategi telah dikenal pasti sebagai bidang tumpuan untuk memacu pemodenan industri agromakanan. Salah satu strateginya adalah meningkatkan latihan dan pembangunan agropreneur muda.

## SOALAN NO. 106

MOA sentiasa menambahbaik perancangan penglibatan belia dalam industri agromakanan dengan melancarkan Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani: Prioriti dan Strategi 2019 – 2020. Pembangunan agropreneur muda telah diberikan keutamaan di dalam Hala Tuju ke 3 iaitu Menjadikan Pertanian sebagai Satu Sumber Pendapatan yang Mampan dan Kukuh serta Menguntungkan untuk Petani, Penternak, Nelayan dan Agropreneur Muda.

Melalui Strategi 3 Pembangunan Agropreneur Muda dalam Bidang Agromakanan telah ditetapkan dua (2) inisiatif. Inisiatif pertama ialah menubuhkan Majlis Agropreneur Muda (MAM) Kebangsaan yang dianggotai oleh agropreneur muda dari seluruh negara dan inisiatif kedua ialah meningkatkan keupayaan agropreneur muda. Inisiatif ini direalisasikan melalui Program Agropreneur Muda (PAM) yang dilancarkan bagi tujuan menarik minat agropreneur muda yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun untuk menceburi sektor agromakanan. PAM menawarkan bantuan geran dan pembiayaan kepada golongan muda. Bantuan khidmat nasihat teknikal, rundingan serta latihan bagi membangunkan projek-projek pertanian yang akan dilaksanakan turut disediakan sekiranya ada keperluan.

Kementerian juga melaksana pelbagai inisiatif bagi menarik penglibatan belia di dalam sektor agromakanan seperti Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HHPNK) dan penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA). Sebagai contoh, sepanjang MAHA 2018 berlangsung, MOA telah bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menyelaras Kluster *AgroYouth* yang menganjurkan pelbagai pengisian dan aktiviti keusahawanan seperti *Pavilion Agro Youth*, Laman *Agro Youth*, Forum Agropreneur Muda, Anugerah Ikon Agropreneur Muda dan *Agro Race* yang melibatkan lebih 800 belia dari seluruh negara.

Selain itu, bagi meremajakan sektor agromakanan dan memastikan penglibatan belia di dalam sektor agromakanan ini, MOA dengan kerjasama Jabatan dan Agensi telah menyediakan program dan insentif khusus kepada golongan belia seperti berikut:

**1. Program Latihan**

Pelbagai program latihan kepada golongan belia telah dilaksanakan oleh Kementerian. Antaranya ialah Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) di bawah Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada generasi muda yang berumur di antara 18 hingga 25 tahun yang berkelayakan. PLKPK menawarkan sembilan (9) bidang pembelajaran pada peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) merupakan satu program yang bertujuan untuk melahirkan pekerja mahir dan pengusaha agromakanan bertaraf komersil dan berskala besar melalui penggunaan teknologi terkini. Sehingga kini, Kementerian telah mengeluarkan seramai 6,092 orang graduan Sijil Kemahiran Malaysian Tahap 3 dan Diploma Kemahiran Malaysia.

**2. Insentif Dana dan Pembiayaan**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, (MOA) juga menyediakan insentif dana dan pembiayaan kepada golongan muda. Sebagai contoh, Program Agropreneur Muda (PAM) telah menyediakan geran untuk perolehan input pertanian bernilai sehingga RM20,000 bagi setiap projek. Pada tahun 2016 – 2018, seramai 5,013 belia telah menerima geran ini yang menyasarkan kepada projek yang berinovasi dan berteknologi moden. Manakala bagi pembiayaan pula, agensi pembiaya seperti Agrobank dan TEKUN Nasional menyediakan bantuan modal melalui Pakej Pembiayaan Mudah sehingga RM200,000 untuk projek pertanian kepada golongan belia.

**3. Teknologi**

Belia merupakan generasi moden yang mahir serta sinonim dengan penggunaan teknologi. Sehubungan itu, Kementerian telah memperkenalkan penggunaan teknologi digital sebagai langkah untuk memodenkan sektor pertanian bagi menarik penglibatan belia. Sebagai contoh, MARDI telah menghasilkan 21 aplikasi mudah alih yang digunakan secara aktif sebagai panduan dan sebagai alat bantuan (*tools*) kepada petani dalam usaha untuk memodenkan pertanian negara dan meningkatkan produktiviti petani. Sehingga

kini, statistik menunjukkan bahawa sejumlah 52,990 telah dimuatturun di *AppsStore* (iOS) dan *Google Play Store* (Android).

Dari segi khidmat sokongan penggunaan teknologi, Jabatan Pertanian (DOA) juga telah memperkenalkan aplikasi yang bertujuan untuk mentransformasi perkhidmatan pengembangan pertanian yang boleh dicapai dengan cepat dan mudah oleh belia. Sebanyak 3 perkhidmatan secara online dan 5 aplikasi mudah alih telah disediakan di bawah DOA. Sehingga Jun 2019, seramai 5,542 telah menggunakan perkhidmatan online ini manakala sebanyak 22,042 muat turun aplikasi oleh pengguna melalui *AppsStore* (iOS) dan *Google Play Store* (Android).

#### **4. Pemasaran**

Bagi pemasaran, Program *New Breed Marketing Entrepreneur* (NBME) telah diperkenalkan oleh FAMA sebagai program transformasi dalam meningkatkan pendapatan belia dalam bidang pertanian dan industri asas tani. Program NBME ini adalah kerjasama di antara FAMA (portal *AgroBazaar Online*), Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bersama ahli Kelab MyAgrosis khususnya dan penuntut amnya serta usahawan industri asas tani (IAT). Sehingga kini, sebanyak 19 Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta terlibat dalam program ini dengan penyertaan seramai 2,265 penuntut. Jumlah transaksi yang dicatatkan setakat ini ialah sejumlah RM211,497.00.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI  
(PASIR MAS)**

**TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kemajuan pelaksanaan konsep pertahanan menyeluruh (HANRUH) atau total defence sejak ia diperkenalkan mulai tahun 2016 dan adakah sudah ada sebarang latihan yang dijalankan melibatkan semua agensi Kerajaan, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), dan sektor swasta berkaitan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) merupakan satu konsep pertahanan yang menyeluruh dan bersepadu di antara agensi kerajaan, sektor swasta, badan-badan bukan kerajaan dan rakyat jelata dalam mempertahankan kedaulatan negara.

Konsep ini telah diperkenalkan melalui Dasar Pertahanan Negara (DPN) pada tahun 1986 dengan menggariskan HANRUH sebagai salah satu prinsip asas kepada pertahanan negara. Pelaksanaan HANRUH telah disokong di dalam sidang Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 12 Jun 2008 dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) merupakan agensi pelaksana bagi HANRUH.

Kementerian Pertahanan juga menggunakan pendekatan HANRUH melalui penglibatan pemegang taruh pertahanan seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam mengukuhkan benteng pertahanan seperti contoh di Timur Sabah. Selain itu, kolaborasi dengan syarikat korporat juga pernah dilaksanakan seperti contoh Operasi Fajar di perairan Somalia dengan *Malaysian International Shipping Corporation* (MISC) dan pemantauan maritim di perairan Sabah dengan Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS).

Kementerian Pertahanan akan meneruskan konsep HANRUH dalam Kertas Putih Pertahanan (KPP) yang sedang disediakan melalui pendekatan *whole of government* dan *whole of society* bagi menangani cabaran masa kini dan akan datang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL  
KARIM [BATANG LUPAR]**

**TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan mengenai perancangan bahawa akan diadakan tanaman secara besar-besaran seluas 2,000 ekar di kawasanya di Linga dan bagaimana komuniti di kawasan berkenaan boleh terlibat secara langsung dalam projek ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Sarawak telah meluluskan tanah seluas 2,000 ekar di Lingga, Sri Aman untuk dibangunkan sebagai kawasan pertanian berskala besar susulan kesediaan Kerajaan Pusat untuk bekerjasama dengan Kerajaan Sarawak mengusahakan tanah yang tidak akan ditanam semula dengan kelapa sawit.
2. Antara tanaman yang akan dicadangkan adalah tanaman kelapa, jagung bijian dan nanas. Tanaman ini adalah merupakan tanaman yang memberi hasil pulangan yang cepat (*quick win*) memandangkan mekanisma pelaksanaannya hanya memerlukan tempoh yang singkat antara 3 hingga 6 bulan.
3. Sekiranya projek dan kaedah pelaksanaan telah dikenalpasti, penglibatan komuniti setempat akan diutamakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MUSLIMIN BIN YAHAYA  
[ SUNGAI BESAR ]**

**TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bolehkah padi wangi ditanam secara rintis di jelapang padi Sekinchan.



**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Penanaman padi wangi selaras dengan Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah Hala Tuju 1 Strategi 2 Inisiatif 3. Padi wangi yang diusahakan oleh pesawah akan membantu meningkatkan pendapatan petani berdasarkan kepada harga padi wangi yang lebih tinggi berbanding padi putih tempatan.

Walaupun harga padi wangi lebih tinggi berbanding padi biasa, namun sebelum ini, penanaman padi jenis ini tidak dibenarkan di kawasan jelapang bagi memastikan Tahap Sara Diri (SSL) beras negara tidak terjejas berikutan produktiviti yang secara relatifnya lebih rendah selain mengurangkan risiko serangan penyakit di kawasan jelapang padi sedia ada. Berikutan itu, setakat ini, penanaman padi wangi hanya tertumpu di kawasan luar jelapang sahaja dengan keluasan penanaman padi wangi di luar jelapang adalah 1,785 hektar.

Namun sedemikian, berikutan potensi pendapatan yang lebih tinggi yang berupaya dijana oleh pesawah daripada tanaman padi wangi ini, maka Kementerian telah menggariskan kebenaran untuk tanaman ini dilaksanakan di kawasan jelapang secara projek rintis yang mana MADA, KADA dan IADA diminta mengenalpasti kawasan yang bersesuaian tidak melebihi 30% daripada keseluruhan kawasan jelapang yang berkenaan untuk dilaksanakan tanaman padi wangi ini.

Justeru, penanaman padi wangi ini boleh dilaksanakan di Sekinchan secara rintis tetapi perancangan bagi penanaman ini hendaklah dibuat melalui pejabat IADA Barat Laut Selangor yang akan menentukan lokasi serta sebarang peraturan yang bersesuaian bagi tujuan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[KOTA BHARU]**

**TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 110**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan penjelasan punca berlakunya peningkatan mendadak bil elektrik terutamanya menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini dan apakah jaminan Kerajaan supaya kejadian seperti sedemikian tidak lagi berulang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kejadian bil elektrik tinggi yang dialami oleh sebilangan pengguna-pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam tempoh 15 hingga 20 Mei 2019 adalah disebabkan oleh gangguan teknikal terhadap sistem pengebilan *Billing and Customer Relation Management* (BCRM) TNB. Dalam tempoh tersebut, TNB tidak dapat mengeluarkan bil elektrik dan menyebabkan tempoh pengebilan pengguna adalah lebih panjang daripada biasa. Perkara ini memberi kesan kepada jumlah bil elektrik pengguna bagi bulan tersebut yang menjadi lebih tinggi berbanding jumlah bil elektrik dengan tempoh pengebilan biasa dengan corak penggunaan elektrik yang sama. Selain itu, terdapat juga kenaikan bil yang disebabkan oleh kesilapan bacaan meter yang dibuat secara manual semasa tempoh gangguan sistem tersebut. Walau bagaimanapun, kesilapan ini telah

diselaraskan oleh pihak TNB dan pengguna telah menerima bil dengan bacaan sebenar dan lebihan bayaran telah dikreditkan semula ke dalam bil.

2. Bagi menjamin supaya gangguan teknikal yang sama pada sistem BCRM tidak berulang, Kementerian melalui ST akan melakukan pemantauan terhadap TNB untuk memastikan pangkalan data (*data centre*) sedia ada dinaik taraf bagi meningkatkan keupayaan sokongan dan penyimpanan maklumat (*data storage*) kepada sistem BCRM. Selain itu, bagi mengelak pembacaan bil elektrik melebihi daripada bilangan hari munasabah dan untuk meningkatkan kecekapan operasi bacaan bil TNB, kajian penetapan indeks prestasi dalam *Guaranteed Service Level* (GSL) akan diteliti semula.

3. TNB juga akan mengeluarkan bil anggaran bagi bulan-bulan di mana pengebilan tidak dapat dibuat dalam tempoh sebulan atas sebab-sebab tertentu seperti gangguan teknikal terhadap sistem pengebilan. Selain itu, para pengguna juga boleh menggunakan perkhidmatan skim *Self Meter Reading*, dengan izin, iaitu pengguna boleh memajukan bacaan meter sebenar mereka kepada TNB untuk tujuan pengebilan

4. Setakat 3 Julai 2019, menurut TNB, sebanyak 98 peratus daripada 18,965 pertanyaan dan aduan kepada TNB telah diberi maklum balas, disiasat dan diselesaikan oleh TNB. Sehingga 3 Julai 2019 juga seramai 1,800 pengguna terlibat telah menerima bayaran balik lebihan caj bil elektrik.

5. Pihak Suruhanjaya Tenaga (ST) juga telah mengambil beberapa tindakan terhadap TNB seperti berikut :

- (i) mengeluarkan notis peringatan supaya TNB memberi perhatian serius dan mengambil tindakan penyelesaian segera berkaitan aduan bil elektrik yang tinggi serta melaporkannya kepada ST;
- (ii) menjalankan siasatan terhadap punca berlakunya peningkatan bil elektrik pengguna dengan mengadakan audit BCRM dan telah mengambil tindakan pemulihan sistem; dan

**NO. SOALAN :110**

- (iii) menyediakan sebanyak 24 kertas siasatan yang telah pun dikemukakan kepada AGC untuk pertimbangan tindakan kompaun terhadap TNB.

6. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, aduan pengguna ke atas TNB sentiasa boleh dirujuk kepada pihak ST melalui laman web [aduan.st.gov.my](http://aduan.st.gov.my), emel [eaduan@st.gov.my](mailto:eaduan@st.gov.my) dan telefon 03-8870 8800.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [ JERAJ ]**

**TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 111**

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan status keberjayaan pelaksanaan Program Susu Sekolah (PSS) dan Rancangan Makanan Tambahan (RMT).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan kebajikan murid-murid terutama dalam kalangan B40 diberi perhatian terutama daripada segi pemakanan melalui program Rancangan Makanan Tambahan (RMT). Tujuan pemberian bantuan ini adalah untuk memastikan semua murid berupaya mendapat peluang pendidikan sama seperti rakan-rakan mereka yang berkemampuan tanpa mengira bangsa, agama dan negeri.

Bagi tahun 2019, pemberian susu kepada murid telah dilaksanakan di bawah program RMT. Seramai 480 ribu murid telah mula menerima bekalan susu dua (2) kali seminggu bermula pada 10 Jun 2019. Peruntukan bagi pelaksanaan menu susu dalam RMT ini adalah sebanyak RM32 juta.

Kerajaan telah meluluskan peruntukan bagi menjayakan program RMT bagi tahun 2019 berjumlah RM289 juta iaitu sebanyak RM250 juta diperuntukan untuk program RMT manakala RM39 juta telah dianggarkan bagi peruntukan Program Menu Susu yang akan turut digabungkan dalam pemberian RMT.

Menu susu dalam program RMT ini ialah perluasan kepada program RMT sedia ada iaitu susu dijadikan menu minuman tambahan kepada murid penerima RMT. Setiap penerima akan mendapat dua (2) kotak susu 200ml seminggu (keseluruhan maksimum 40 kotak) bermula 10 Jun 2019 sehingga 31 Oktober 2019.

Sekian, terima kasih.

RJM 145

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI DR. SANTHARA [ SEGAMAT ]**  
**TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 112**

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan hala tuju bagi jurusan Tingkatan 6 pada masa akan datang dan sejauh manakah kelayakan Sijil Tinggi Pendidikan Malaysia (STPM) diterima pakai sebagai kelayakan utama untuk kemasukan ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) menjelang tahun 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Tingkatan Enam merupakan salah satu saluran bagi pelajar daripada semua kategori untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah di universiti awam atau swasta selain daripada program lain yang ditawarkan seperti Matrikulasi, Program Asasi dan Diploma/sijil. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) juga diiktiraf sebagai kelayakan masuk ke universiti luar negara oleh Cambridge Assessment, United Kingdom yang mana kualiti sijil STPM sentiasa dipantau oleh pihak Cambridge. Pihak Cambridge juga dilibatkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan STPM yang dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) pada setiap semester dan pada setiap tahun bagi memutuskan standard kelayakan calon STPM.

Mata pelajaran yang ditawarkan di peringkat STPM adalah meliputi pelbagai bidang dan dapat menyediakan peluang kepada lepasan STPM untuk melanjutkan pengajian ke universiti dalam pelbagai kursus yang ditawarkan di universiti. Mata pelajaran yang ditawarkan termasuklah Pengajian Am, *Physics*, *Chemistry*, *Biology*, *Information and Communications Technology*, *Mathematics (M)*, *Mathematics (T)*, Sains Sukan, Bahasa Melayu, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Bahasa Arab, Syariah, Usuluddin, Tahfiz Al-Quran (mata pelajaran baharu), Sejarah, Geografi, Seni Visual, Kesusasteraan Melayu, *Literature in English*, Perakaunan, Ekonomi, dan Pengajian Perniagaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada segi pemprosesan pemilihan pelajar ke institusi pendidikan tinggi awam (IPTA), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak membezakan di antara kelayakan-kelayakan yang telah diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Akreditasi (MQA) seperti STPM atau Matrikulasi. Oleh itu, tidak timbul persoalan keutamaan kepada mana-mana kategori kelayakan dalam pemilihan kemasukan pelajar ke IPTA. Semua calon perlu memenuhi syarat am dan syarat khas program pengajian yang ditetapkan oleh senat universiti masing-masing.



## NO. SOALAN: 112

KPM mengamalkan prinsip meritokrasi dalam semua proses kemasukan pelajar ke IPTA bermula dari Sesi 2002/2003. Ini termasuklah pengambilan pelajar ke Politeknik dan Kolej Komuniti dengan menggunakan prinsip meritokrasi iaitu 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah ko-kurikulum. Semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberikan peluang untuk mengikuti pengajian di IPTA.

Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am atau Syarat Khas program pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada pilihan program pengajian yang dipohon.

Pada Sesi Akademik 2018/2019, seramai 54,104 orang calon lepasan STPM dan Matrikulasi telah memohon melalui *UPUOnline* yang diselaraskan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP) di Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) untuk kemasukan ke IPTA.

Dari jumlah ini, sebanyak 61 peratus (33,197 orang) adalah calon lepasan STPM dan selebihnya iaitu 39 peratus (20,907 orang) adalah calon lepasan Matrikulasi. Daripada jumlah ini, sebanyak 89 peratus (44,644 orang) telah berjaya ditawarkan tempat pengajian di IPTA dengan pecahan 54.6 peratus (24,375 orang) calon lepasan STPM dan hanya 45.4 peratus (20,269 orang) sahaja adalah calon lepasan Matrikulasi.

Sekian, terima kasih.

RJM 146